

### BAB III

## METODOLOGI PENYELIDIKAN

### 3.1. Pengenalan

Metodologi berasal daripada perkataan Greek dan ia terdiri daripada perkataan “meta” yang bermaksud “dengan” dan “odos” yang bermaksud “jalan”. “Logos” ialah ilmu atau aliran. Ia dapat diterjemahkan sebagai “ilmu dengan jalan”.<sup>125</sup> Di dalam “Kamus Dewan” metodologi bererti ilmu tentang metode atau sistem yang merangkumi kaedah-kaedah dan prinsip-prinsip yang digunakan di dalam sesuatu kegiatan. Perkataan metode pula bererti cara melakukan atau sistem.<sup>126</sup> Imam Bernadib pula menjelaskan “ ilmu tentang menjalankan penelitian”.<sup>127</sup>

Metodologi juga bermaksud sains atau kajian mengenai kaedah, terutama dalam bidang ilmiah. Ia juga boleh juga bermaksud sebagai suatu ilmu mengenai kajian dalam mentadbir sesuatu bagi mencapai matlamat yang dirancang.<sup>128</sup>

---

<sup>125</sup> Nazaruddin S.H. (1974), *Publisiti Dakwah*. Jakarta: Penerbitan Erlangga, h. 33

<sup>126</sup> Sheikh Othman bin Sheikh Salim *et al* (1989), *Kamus Dewan Edisi Baru*. Kuala Lumpur: DBP, h. 733

<sup>127</sup> Imam Bernadib (1982), *Arti dan Metode Sejarah Pendidikan*. Yogyakarta : Yayasan FIK- IKIP, h. 51

<sup>128</sup> Hornby A.S, *et al*. (1980), *Kamus Progresif Inggeris-Melayu*. c.4, Kuala Lumpur: Fajar Bakti, h. 186

Menurut Kenneth D. Bailey,

“metodologi ialah kaedah iaitu teknik penyelidikan ataupun alat yang digunakan untuk mengumpul data. Apa yang kami maksudkan dengan metodologi ialah falsafah proses penyelidikan. Ini termasuklah andaian-andaian dan nilai-nilai yang menjadi dasar alasan penyelidikan dan ukuran ataupun kriteria yang digunakan oleh penyelidik untuk mentafsir data dan membuat kesimpulan”.<sup>129</sup>

Penyelidikan pula ialah sesuatu yang dijalankan sama ada untuk mengetahui apa yang telah berlaku, sedang dan akan berlaku bagi menambah pengetahuan,<sup>130</sup> dan ia berbeza sekali dengan penemuan ilmu secara kebetulan atau spontan.<sup>131</sup> Kesimpulannya, metodologi penyelidikan ialah suatu kaedah mengkaji dan menyelidik sesuatu kajian secara sistematik dan berobjektif bagi mengumpul data-data yang tepat serta berkesan untuk mengetahui apa yang telah, sedang dan akan berlaku supaya dapat menambah pengetahuan dan membuat satu kesimpulan.

Penggunaan metodologi penyelidikan dalam menghasilkan kajian bersifat ilmiah sangat penting. Suatu penyelidikan akan tinggi mutunya apabila metode yang dipakai tepat dan sesuai dengan objek dan tujuannya.<sup>132</sup>

---

<sup>129</sup> Bailey, D. Kenneth (1984), *Kaedah Penyelidikan Sosial*. Hashim Awang (terj.), Kuala Lumpur: DBP, h. 46-47

<sup>130</sup> Mohd. Sheffie Abu Bakar (1991), *Metodologi Penyelidikan Untuk Ekonomi dan Bidang-bidang Berkaitan*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, h. 12

<sup>131</sup> Ahmad Mahdzan Ayob (1991), *Kaedah Penyelidikan Sosioekonomi: Suatu Pengenalan*. Kuala Lumpur: DBP, h. 3

<sup>132</sup> Abdul Halim H. Mat Diah (1986), “Filsafat Pendidikan Islam di Institut Pengajian Tinggi di Malaysia” (Disertasi Ph.D Pendidikan Islam, Institut Agama Islam Negeri Sunan Kalijaga, Yogyakarta), h. 101

### 3.2. Metode Sejarah

Di dalam penyelidikan dan penulisan disertasi ini, penulis telah menggunakan metode sejarah. Ia bersifat deskriptif dan ditulis secara kronologis. Penulis telah meneroka masa lampau asal usul negeri Selangor dan sultan-sultannya, juga meneroka situasi alam Melayu (khususnya kepulauan Riau-Lingga dan Aceh) yang berkaitan dengan negeri Selangor dan yang sezaman dengan perkembangannya. Secara tidak langsung penulis dapat memahami dengan lebih baik peristiwa-peristiwa dan tingkah laku mereka, juga untuk mengetahui sejauhmana peristiwa-peristiwa dan tingkah laku itu mempengaruhi amalan semasa. Ini kerana penerokaan peristiwa masa lampau dapat membantu penulis mengenal pasti sesuatu pola tingkah laku di mana keadaan sekarang hanya merupakan kesinambungan peristiwa masa lampau.<sup>133</sup>

Metode sejarah ialah suatu proses yang meliputi pengumpulan dan penafsiran gejala, peristiwa ataupun gagasan yang timbul di masa lampau untuk menemukan generalisasi yang berguna dalam usaha untuk memahami kenyataan-kenyataan sejarah. Ia juga berguna untuk memahami situasi sekarang dan meramalkan perkembangan akan datang.<sup>134</sup> Pemahaman kepada peristiwa dan faktor yang membawa kepada peristiwa dan situasi semasa, boleh juga membantu penulis memahami cara-cara bagaimana peristiwa semasa dan tingkah laku itu berlaku.<sup>135</sup>

---

<sup>133</sup> Cates, Ward Mitchell (1990), *Panduan Amali Untuk Penyelidikan Pendidikan*. Syaharom Abdullah (terj), Kuala Lumpur: DBP, h. 133

<sup>134</sup> Winarno Surakhmad (1980), *Penghantar Penelitian Ilmiah, Dasar, Metod dan Teknik*. c. 7, Bandung: Tarsio, h. 132

<sup>135</sup> Cates, *Loc.cit.*

William W. Brickman dalam bukunya “Guide to Research in Education History” mengutip apa yang dikemukakan oleh Ernst Bernheim,<sup>136</sup> metode sejarah itu terdiri daripada :

- a. mengumpul sumber
- b. kritikan sumber – pengujian terhadap sumber
- c. mencari saling hubungan antara sumber
- d. hipotesis
- e. laporan hasil penyelidikan

Justru itu, penulis telah mengkatogorikan kaedah a dan b di atas dalam metode pengumpulan data. Manakala kaedah c, d dan e, penulis kategorikan dalam metode analisis data yang akan penulis jelaskan lebih lanjut di bawah ini.

### 3.2.1. Metode Pengumpulan Data

#### a) Pengertian Sumber

Sebagai kajian sejarah, kebenaran sejarah adalah perkara yang sangat mustahak. Kebenaran sejarah itu bukan sahaja melambangkan kewibawaan sesebuah hasil kajian tetapi juga keutuhan sejarawan itu khususnya dalam usaha menghasilkan karyanya. Kebenaran sejarah, bergantung kepada sumber-sumber yang diperolehi yang boleh memberikan maklumat – iaitu salah satu daripada unsur penting yang akan memperkukuhkan kebenaran penulisannya.<sup>137</sup>

---

<sup>136</sup> Imam Bernadib , *Op.cit.*, h. 52

<sup>137</sup> Mohd Yusof Ibrahim (1997), *Ilmu Sejarah: Falsafah, Pengertian dan Kaedah*. Kuala Lumpur: DBP, hh. 154-155

Sumber ialah sekumpulan bahan-bahan yang tersimpan di tempat-tempat yang khusus seperti arkib, perpustakaan, muzium, pejabat menyimpan rekod, istana ataupun rumah-rumah orang perseorangan yang mempunyai minat menyimpannya.<sup>138</sup> Menjadi satu kebimbangan utama kepada penyelidik yang ingin menjalankan penyelidikan sejarah ialah sama ada mereka boleh mendapatkan maklumat atau data yang secukupnya daripada sumber-sumber yang mengetahui dan boleh dipercayai. Sumber terbahagi kepada dua jenis iaitu sumber primer/pertama dan sumber sekunder/kedua.

Sumber primer ialah kumpulan sumber di mana keadaannya masih asli dan belum lagi ditafsir serta terdapat di institusi-institusi tertentu antaranya dokumen, surat, sama ada rasmi atau sebaliknya, catatan, laporan buku harian, warkah, watiqah dan titah perintah dan kadang kala akhbar serta majalah dan peringatan juga boleh dianggap sebagai sumber utama.<sup>139</sup> Imam Bernadib<sup>140</sup> telah mengklasifikasikan sumber primer ini dengan lebih jelas seperti

- a. dokumen – gambar, potret, kumpulan hukum, peraturan-peraturan, keputusan pengadilan dan sebagainya.
- b. Peninggalan/*relic* seperti rumah, pakaian, candi, prasasti dan sebagainya.

---

<sup>138</sup> *Ibid.*

<sup>139</sup> *Ibid.*, h. 156

<sup>140</sup> Imam Bernadib, *Op.cit.*, h. 55

Menurut Louis Gottschalk,

“sumber primer adalah kesaksian daripada seorang saksi dengan mata kepala sendiri atau saksi dengan pancaindera yang lain atau dengan alat mekanis...yakni orang atau alat yang hadir pada peristiwa yang diceritakannya (di sini ...secara singkat disebut saksi pandangan-mata). Kerana itu sumber primer dengan demikian harus dihasilkan oleh seorang sezaman dengan peristiwa yang dikisahkannya. Akan tetapi sumber primer itu tidak perlu asli dalam arti hukum daripada kata asli, yakni dokumen itu sendiri (biasanya versi tulisan yang pertama) yang isinya menjadi subjek pembicaraan, kerana sering kali suatu copy yang kemudian atau suatu edisi cetakan juga memenuhi syarat bagi keperluan itu. ...Sumber primer hanya harus “asli” dalam arti *kesaksiannya tidak berasal dari sumber lain melainkan berasal dari tangan pertama.*”<sup>141</sup>

Sumber sekunder/kedua ialah kajian-kajian atau penulisan-penulisan yang telah dilaksanakan oleh seseorang mahupun sesuatu kumpulan, tentang sesuatu peristiwa, tokoh-tokoh dan sebagainya. Kajian itu berdasarkan sumber-sumber primer/pertama tadi. Sumber kedua ini merupakan tafsiran, penyeluruhan, kesimpulan dan malahan andaian yang dibuat oleh seseorang pengkaji terhadap perkara-perkara yang dikajinya dengan bersandarkan sumber utama yang berkaitan. Sumber kedua itu boleh dan biasa digunakan oleh para penyelidik yang lain sama ada sebagai rujukan, sebagai perbandingan mahupun sebagai ungkapan bagi mengukuhkan pandangan serta tafsirannya terhadap perkara yang dikaji.<sup>142</sup>

Walaupun begitu sumber sekunder ini penting kerana sebagai kajian, mahupun pandangan sekali lalu, sedikit sebanyak ia menggambarkan tentang pandangan penyelidik itu terhadap perkara dan juga terhadap alam persekitaran

---

<sup>141</sup> Gottschalk, Louis (1983), *Mengerti Sejarah*. Nugroho Notosusanto (terj.), (t.t.p): Penerbit Universiti Indonesia, h. 35-36

<sup>142</sup> Mohd. Yusof Ibrahim, *Op.cit.*, h. 157-158

masa lalu yang dikajinya. Kadang kala pandangannya itu melambangkan pandangan resmi masyarakat ataupun pemerintahan sezamannya ataupun budaya serta sikap yang cuba dipaksakannya terhadap perkara yang dikajinya seperti apa yang dilakukan oleh beberapa orang pentadbir Inggeris di Tanah Melayu.<sup>143</sup>

Apa yang penulis nyatakan di atas merujuk kepada sumber tulisan namun begitu sumber berbentuk lisan juga digunakan dalam kajian sejarah ini. Sumber lisan ini kadang kala boleh dikategorikan sebagai sumber primer atau sekunder iaitu bergantung kepada kepentingan dan ketulenan serta kejituaannya berhubung dengan sesuatu peristiwa yang sedang diselidiki.<sup>144</sup>

#### b) Metode Dokumentasi

Melalui metode pengumpulan data ini, metode yang banyak penulis gunakan ialah metode dokumentasi yang penulis perolehi melalui penyelidikan perpustakaan sama ada ia tergolong dalam sumber primer ataupun sekunder. Metode dokumentasi ialah cara pengumpulan data dengan mengadakan penelitian dokumen-dokumen yang ada hubungannya dengan masalah yang diselidiki. Dokumen boleh berupa bahan-bahan yang bertulisan tangan atau bercetak yang melaporkan sesuatu peristiwa.<sup>145</sup>

---

<sup>143</sup> *Ibid.*, h. 158

<sup>144</sup> *Ibid.*, h. 155

<sup>145</sup> Cates, *Op.cit.*, h. 135

Dokumen ialah bahan-bahan bertulis termasuk gambar, potret, kumpulan hukum/undang-undang dan peraturan, keputusan pengadilan.<sup>146</sup> Ia juga termasuklah karya autobiografi, surat-surat peribadi, catatan-catatan harian, buku-buku, memoir, surat khabar, dokumen-dokumen pemerintah, cerita roman dan cerita rakyat.<sup>147</sup>

Institusi-institusi yang membantu penulis memperoleh sumber melalui metode dokumentasi ini ialah di Arkib Negara Malaysia, Perpustakaan Utama Universiti Malaya, Perpustakaan Peringatan Zaaba, Perpustakaan Negara Malaysia, Muzium Sultan Alam Shah Selangor, Perpustakaan Akademi Pengajian Islam, Perpustakaan Tun Sri Lanang Universiti Kebangsaan Malaysia, Pusat Dokumentasi Dewan Bahasa dan Pustaka dan Galeri Diraja Sultan Abdul Aziz (susunan perpustakaan ini mengikut kekerapan mengunjungi dan banyaknya bahan/maklumat yang penulis perolehi).

Dokumen-dokumen yang penulis teliti itu kebanyakannya tulisan dalam bentuk tulisan tangan atau bercetak dalam fail ataupun ia telah direkodkan dalam bentuk microfilm terutama dokumen-dokumen pemerintah – *Colonial Office*, minit mesyuarat dan laporan tahunan di zaman pentadbiran Inggeris di Tanah Melayu dan Selangor. Dokumen-dokumen lain ialah buku-buku lama berversi jawi dan buku-buku baru (cetakan sekitar tahun 1960an ke atas), juga bahan-bahan cetakan terbitan kerajaan negeri Selangor dan lain-lain yang berkaitan dengan kajian penulis.

---

<sup>146</sup> Imam Bernadib, *Loc.cit.*

<sup>147</sup> Sartono Kartodirjo (1986), "Metode Penggunaan Bahan Dokumen", dalam Koentjaraningrat (ed.), *Metode-metode Penelitian Masyarakat*. c. 8. Jakarta: Penerbitan PT Gramedia, h. 48



Ketika melakukan penelitian terhadap dokumen-dokumen ini, penulis menghadapi kesukaran untuk mendapatkan data-data berhubung dengan perkembangan Islam di Selangor. Sumber-sumber mengenainya secara khusus terlalu sedikit menyebabkan penulis kuarir menggunakan data yang tidak wajar ketika membuat penafsiran. Antara sebab-sebabnya ialah

1. Sistem yang diperkenalkan oleh penjajah, sistem Residen dan Majlis Mesyuarat Negeri di mana semua dokumen kerajaan hanya mencatat minit mesyuarat yang melibatkan kewangan kerajaan sahaja.
2. Catatan peribadi atau laporan dari pegawai-pegawai Inggeris hanya mengikut persepsi mereka dan mungkin tidak menggambarkan keadaan sebenar pada masa itu.
3. Hal ehwal Islam adalah dalam bidang kuasa sultan, perlakuan dan tindakan untuk kemajuan agama Islam tidak dicatat dengan baik oleh pembesar-pembesar Melayu atau mungkin pihak sultan sendiri enggan perlakuan mereka diperbesarkan seperti bantuan kewangan dan sebagainya kepada pihak tertentu. Masyarakat Melayu ketika itu juga belum sedar akan nilai sesuatu dokumen itu untuk kepentingan generasi selepas mereka. Banyak kajian tentang Melayu dan budaya mereka pun dikaji oleh cendekiawan dari kalangan penjajah juga.
4. Sikap pentadbir sendiri tidak begitu prihatin untuk memberi laporan secara tepat dan detail tentang perkara yang berkaitan dengan Islam seperti laporan tentang sekolah-sekolah arab/agama yang ada di Selangor. Ia tidak

menyatakan nama-nama sekolah tersebut dengan nama sebenar sekolah itu.<sup>148</sup>

Kedadaan ini menyukarkan penulis mendapatkan data yang tepat dan sahih.

5. Kesukaran lain yang penulis lalui dalam penelitian dokumentasi ini ialah tulisan yang kabur walaupun telah dimikrofilemkan, juga tulisan itu ditulis dengan gaya tulisan Inggeris lama. Untuk mengatasi masalah ini, penulis melakukan beberapa metode lain seperti wawancara dan perbandingan untuk memastikan kesahihan sumber data tersebut.

### c) Metode Wawancara

Metode wawancara mencakupi cara yang digunakan oleh seseorang untuk mendapatkan keterangan atau pendirian secara lisan dari seorang responden dengan bercakap-cakap berhadapan muka dengannya.<sup>149</sup>

Teknik wawancara yang penulis gunakan dalam penyelidikan ini ialah teknik wawancara tidak berstruktur di mana soalan lebih terbuka dan tidak perlu kepada suatu persiapan sebelumnya dari suatu daftar pertanyaan dengan susunan kata dan soalan yang tetap yang perlu dipatuhi secara ketat. Penulis menggunakan metode ini bukan untuk mendapatkan data daripada sumber pertama tetapi lebih kepada memperolehi data daripada sumber peringkat kedua. Ini kerana kebanyakan orang yang terlibat secara langsung (saksi pandangan-mata) telah meninggal dunia. Oleh

---

<sup>148</sup> SSF 811/1952, Figures of Malays Studying Religion: Report to The Colonial Secretary, Singapore; lihat juga Negeri Selangor Terus Bergerak Tahun 1966-1968 (1969), Kuala Lumpur: Jawatan kuasa Pembangunan Luar Bandar Negeri Selangor, hh. 121, 125

<sup>149</sup> *Ibid.*, h. 129

kerana itu metode ini digunakan untuk mengukuhkan perolehan sumber daripada penyelidikan perpustakaan melalui metode dokumentasi.

### 3.2.2. Kritikan Sumber – pengujian terhadap sumber

Dalam penyelidikan sejarah, sumber merupakan suatu yang amat penting untuk menentukan kebenaran sejarah, oleh itu penyelidik perlu melakukan penelitian dan pengujian untuk mengetahui tingkat-tingkat kebenarannya. Di sini penulis melakukan penilaian dan kritikan sumber untuk menilai suatu sumber itu benar, 'valid', mantap dan tidak tunggal kerana maklumat daripada sumber tunggal cenderung kepada kurang tepat. Di sini penulis menggunakan dua jenis kritikan atau pengujian sumber iaitu kritikan *ekstern*/luaran dan kritikan *intern*/dalaman.

Kritikan ekstern<sup>150</sup> ialah usaha untuk menentukan keaslian sumber (dokumen, rekod atau *relic*) dengan mencari jawapan kepada persoalan antaranya

- Adakah ia tulen atau tiruan?
- Adakah ia yang asal atau satu daripada set salinan?
- Siapakah yang menulis, merekod atau mengucapkannya?

Kritikan intern pula ialah usaha untuk mengenal materi dari dokumen. Penyelidik berusaha untuk menetapkan erti dan kebenaran data dalam dokumen yang berkaitan.<sup>151</sup> Kritikan intern atau dalaman berhubung dengan sumber-sumber selain

---

<sup>150</sup> Cates, *Op.cit.*, h. 136

<sup>151</sup> Imam Bernadib, *Op.cit.*, h. 72

*relic*. Ia mengandaikan bahwa sumber yang dikaji itu tulen dan cuba menganalisis persepsi dan kebolehpercayaan sumber dan menjawab persoalan antaranya:

- Bolehkah sumber itu dipercayai?
- Adakah individu tersebut berada di tempat peristiwa yang diceritakannya atau adakah dia mendengar mengenainya daripada orang lain?
- Adakah keterangan-keterangan sumber mengenai perlakuan orang-orang yang terlibat itu munasabah?<sup>152</sup>

Untuk mengelak daripada menggunakan dokumen yang mungkin mengelirukan, penulis telah mengadakan perbandingan dengan tulisan-tulisan sejenis termasuk pegarang buku yang sama. Dengan demikian penulis dapat berusaha mengarah kepada penafsiran yang tepat.<sup>153</sup> Penulis menggunakan kritikan sumber dengan kedua-dua metode intern dan ekstern ini berterusan sehingga ke metode analisis data untuk menentukan tahap kekuatan dan keautoritian data.

### 3.3. Analisis Data

Metode analisis data bermula dengan proses menilai data kemudian mengadunkannya kemudian membuat penafsiran terhadap data dan menganalisisnya itu melalui metode-metode yang telah disebutkan di atas. Sebagai penyelidikan sejarah, analisis data ini perlu dilandasi oleh suatu cara/pola berfikir tertentu. Di

---

<sup>152</sup> Cates, *Op.cit.*, h. 137

<sup>153</sup> Imam Bernadib, *Op.cit.*, h. 73

dalam penyelidikan ini, penulis telah menggunakan metode berikut untuk menganalisis data iaitu metode induktif, metode deduktif dan metode perbandingan.

### 3.3.1 Metode Induktif

Metode induktif ialah pola berfikir yang mencari pembuktian dari hal-hal yang bersifat khusus untuk sampai kepada dalil yang umum.<sup>154</sup> Metode induktif ini juga dikenali dengan pendekatan induktif-generatif iaitu penyelidik mengumpul maklumat secara berterusan bagi menjelaskan atau menghuraikan fenomena yang dikaji. Secara generatif juga penyelidik akan mencari hubungan-hubungan antara fakta-fakta atau bukti-bukti yang terkumpul untuk merumuskan suatu gagasan fikiran.<sup>155</sup>

Rumusan yang menyatakan kemungkinan adanya hubungan antara dua fakta atau lebih merupakan suatu hipotesis.<sup>156</sup> Oleh itu pembentukan hipotesis terus berlaku walaupun ditahap analisis data. Terdapat dua jenis hipotesis iaitu hipotesis kerja dan hipotesis penguji. Hipotesis kerja ialah suatu tanggapan mengenai langkah-langkah kemudian yang mungkin bermanfaat untuk dilakukan. Ia merumuskan suatu tanggapan mengenai arah penelitian bukan mengenai hasil penelitian. Hipotesis penguji ialah apabila suatu tanggapan yang lebih tegas/mantap muncul mengenai

---

<sup>154</sup> *Ibid.*, h. 52

<sup>155</sup> Mathew B. Miles and A. Micheal Huberman (1984), *Qualitative Data Analysis*. Beverly Hill: Age Publication, h. 134

<sup>156</sup> Tan G. Mely (1986), "Masalah Perencanaan Penelitian", dalam Koentjaraningrat (ed.), *Metode-metode Penelitian Masyarakat*. c. 8. Jakarta: Penerbitan PT Gramedia, h.24

penyelesaian masalah yang diteliti dan tanggapan ini, berkemungkinan memberi jawapan yang tepat mengenai persoalan yang dikaji, seterusnya penyelidik menentukan pula langkah-langkah yang dapat menguji kebenaran tanggapan itu.<sup>157</sup> Penulis telah menggunakan metode ini di dalam penulisan bahagian-bahagian berikut:

- a) Latar belakang masalah dalam bab I.
- b) Landasan teori – Sejarah Kesultanan Melayu-Bugis di Selangor dalam bab II.
- c) Laporan penyelidikan – Peranan Kesultanan Melayu-Bugis Terhadap Perkembangan Islam di Selangor Sehingga Sebelum Merdeka, dalam bab IV.

Dalam penulisan tentang latar belakang masalah dalam bab I “Pendahuluan”, metode induktif telah digunakan dengan cara membentangkan huraian-huraian tentang hal-hal yang berhubung dengan negeri Selangor dalam pelbagai aspek antaranya meliputi aspek geografi, kependudukan, kedudukan politik dan organisasi pentadbirannya serta ulasan ringkas tentang sejarah Selangor. Kemudian daripada data-data yang bersifat khusus itu penulis membuat beberapa kesimpulan yang dirumuskan di akhir bab.

Di dalam bab II, penulis menggunakan pendekatan induktif untuk memahami sifat-sifat orang-orang Bugis seperti *siri*, *pece* dan *were*, juga dihuraikan faktor-faktor yang membawa kejayaan orang-orang Bugis terutama Daeng lima bersaudara di perairan Selat Melaka pada kurun ke-18M. Kemudian penulis merumuskan faktor-

---

<sup>157</sup> *Ibid.*, hh. 24-25

faktor itulah yang membawa kejayaan kepada mereka membina kuasa politik di luar dari tanah Bugis dan di geruni oleh kolonial Barat terutamanya Belanda.

Penulis juga menghuraikan satu persatu usaha-usaha Raja Lumu pengasas Kesultanan Melayu-Bugis di Selangor setelah ditabal sebagai sultan yang bergelar Sultan Salehuddin. Berdasarkan data-data yang diperolehi, penulis kemudian merumuskan bahawa usaha dan langkah-langkah itu adalah untuk mengukuhkan kerajaannya sebagai satu entiti politik yang berdaulat di Tanah Melayu seiring dengan kedaulatan raja-raja Melayu yang lain. Namun begitu tidak semua penggantinya dapat mewarisi karisma baginda sehingga menyebabkan kemerosotan kuasa mutlak Kesultanan Melayu-Bugis dan membuka jalan kepada campur tangan Inggeris di Selangor.

Di dalam bab IV, metode induktif digunakan ketika menghuraikan proses pertabalan Raja Lumu sebagai Sultan Selangor yang diadakan sebanyak dua kali iaitu pertama di hadapan Sultan Perak dan kemudiannya di hadapan rakyat baginda sendiri, menepati konsep *bai'ah* dalam proses perlantikan seorang pemerintah dalam Islam. Adanya Al-Quran sebagai salah satu elemen penting dalam istiadat ini jelas menunjukkan bahawa kepimpinan Kesultanan Melayu-Bugis berlandaskan hukum syarak.

Penulis juga menggunakan metode ini ketika menerangkan peranan Kesultanan Melayu-Bugis terhadap perkembangan Islam di era penjajah (Inggeris

dan Jepun) kerana peranan mereka lebih jelas dalam konteks secara berorganisasi berbanding sebelumnya. Dalam bab V – Kesimpulan, penulis sangat banyak menggunakan metode induktif. Ini kerana kesimpulan yang dilakukan ke atas masalah yang dikaji adalah suatu rumusan yang telah diuji kebenaran dan keautoritiannya dilakukan ke atas data yang sebelum ini juga banyak menggunakan kaedah ini.

### 3.3.2 Metode Deduktif

Metode deduktif ialah pola berfikir yang mencari pembuktian dengan berpijak pada dalil umum terhadap hal-hal khusus.<sup>158</sup> Penyelidik menggunakan teori atau gagasan fikiran yang ada atau dibentuknya sendiri berasaskan pemikiran atau pengalaman tertentu untuk melihat fenomena yang berlaku. Beliau akan menggunakan teori atau gagasan fikiran itu sama ada untuk membantunya dalam mengumpul data dan menjelaskan fenomena yang dikaji atau untuk membandingkannya dengan keadaan yang berlaku dalam masyarakat ataupun untuk mengaplikasikan teori itu dalam menyelesaikan sesuatu masalah.<sup>159</sup>

Di dalam penulisan disertasi ini, penulis tidak banyak menggunakan metode deduktif. Dalam bab II, antara masalah yang dianalisis menggunakan kaedah ini ialah usaha penulis untuk menafikan kenyataan umum bahawa “Bugis itu lanun”.

---

<sup>158</sup> Imam Barnadib, *Op.cit.*, h. 52

<sup>159</sup> Mathew B. Miles and A. Micheal Huberman, *Op.cit.*, h. 130



Penulis mengemukakan fakta-fakta dan cuba menghubungkan antara satu sama lain untuk mengetahui siapa sebenarnya lanun itu di perairan kepulauan Melayu dan sebab berlakunya kegiatan lanun.

Di dalam bab IV, usaha Kesultanan Melayu-Bugis mendirikan kerajaan berdaulat (diterangkan dalam bahagian era pemerintahan mutlak Kesultanan Melayu-Bugis) menepati gagasan, sultan itu “khalifah Allah di bumi” yang perlu ditaati. Taat kepada sultan yang adil dianggap taat kepada Allah kerana sultan sebagai pemerintah, ketua agama dan di tangannya terlaksana undang-undang Allah.

Dalam bab ini juga, penulis membentuk satu gagasan/teori sendiri bahawa undang-undang yang digunapakai di Selangor ialah undang-undang Islam yang telah disesuaikan dengan adat kebudayaan Melayu yang diambil daripada Undang-undang Riau yang dipengaruhi oleh Hukum Kanun Melaka. Di sini penulis telah meneliti fenomena sosial dan tingkah laku masyarakat Melayu kurun ke-18M dan dalam membuat kesimpulan bahawa pencapaian pendidikan suatu masyarakat mempunyai kaitan rapat dengan penggubalan dan pelaksanaan undang-undang. Suatu yang belum dapat dicapai oleh pemerintahan Kesultanan Melayu-Bugis di Selangor.

### 3.3.3 Metode Perbandingan

Metode perbandingan atau komparatif ialah cara membuat kesimpulan dengan melakukan perbandingan terhadap data-data yang diperolehi dalam masa

penyelidikan dilakukan. Semua data yang diperolehi baik dari hasil wawancara dengan tokoh-tokoh atau informen dan dokumen-dokumen yang didapati dari penyelidikan perpustakaan diteliti dengan metode ini seperti tarikh setiap peristiwa yang berlaku, kejadian-kejadian lampau dan nama-nama orang yang terlibat dalam peristiwa yang dikaji. Metode perbandingan juga digunakan ketika menguji sumber data terutama kritikan intern. Tujuan perbandingan ini ialah untuk menentukan yang mana lebih hampir kepada kebenaran dan lebih kuat.

Antara masalah kajian yang diteliti dengan menggunakan metode ini ialah untuk memastikan kesahihan rantaian salasilah Daeng Parani lima bersaudara yang dikatakan datang dari Luwu'. Susur galur La Maddusila datuk kepada lima Daeng bersaudara itu agak samar. Salasilah yang dinyatakan oleh Raja Ali Haji pengarang Tuhfat al-Nafis dan Salasilah Melayu dan Bugis berbeza dengan susur galur Raja-raja Luwu'. Dalam Tuhfat al-Nafis dinyatakan raja Luwu' pertama memeluk Islam ialah La Maddusila sedangkan catatan sejarah Luwu', La Pattiwarek Daeng Perabung yang pertama memeluk Islam.

Berdasarkan penelitian dan menggunakan metode perbandingan beberapa sumber primer dan sekunder akhirnya penulis mendapati adanya nama Raja Mappaseling Matinroe ri Salekona atau nama sebenarnya La Tenrilai To Sengngeng di dalam sumber-sumber yang diteliti. Juga didapati bapa kepada La Maddusila itu ialah La Nadreng ri Talu'tendreng, Talu'tendreng ialah salah sebuah daripada tiga kerajaan kecil dalam pemerintahan Wadjo yang berada di bawah pengaruh Luwu'

(sila lihat halaman 31 dalam bab II). Untuk tujuan ini sumber-sumber yang penulis teliti dan bandingkan iaitu

1. Tuhfat al-Nafis (jawi) – versi R O Winstedt (1932), JMBRAS, Vol. X, Pt.II.
2. Tuhfat al-Nafis suntingan Virginia Matheson (1982), Kuala Lumpur:Fajar Bakti.
3. Silsilah Melayu dan Bugis suntingan ARENA WATI (1973), Kuala Lumpur: Pustaka Antara.
4. Salasilah Melayu dan Bugis (versi dari manuskrip bil. 209, Muzium Negara) suntingan Mohd Yusof Md. Nor (1984), Petaling Jaya: Fajar Bakti.
5. Sejarah Wadjo karangan Abdurrazak Patunru (1969), Makasar: Kebudayaan Sul Sel dan Tenggara.
6. Selecta: Kebudayaan Sulawesi Selatan karangan Andi Zainal Abidin (1999), Ujungpandang: Hassanuddin University Press.

Di dalam bab IV pula, antara masalah kajian yang diteliti dengan metode perbandingan ini ialah amalan pendidikan di Selangor. Metode perbandingan ini telah dilakukan untuk memahami tingkah laku sosial dan peristiwa semasa ketika itu untuk merumuskan bahawa pendidikan di Selangor tidak sampai ke tahap pendidikan tinggi sama ada ilmu agama Islam ataupun ilmu persuratan Melayu sebagaimana amalan pendidikan di sekitar Alam Melayu terutama di Aceh dan di kepulauan Riau di kurun ke-19M.

Tahap pendidikan yang rendah ini menyebabkan negeri Selangor belum mampu melahirkan tokoh-tokoh ulama yang dapat menggubal sebuah undang-undang untuk diamalkan di Selangor seperti Hamzah Fansuri, Syeikh Nuruddin Ar-

Raniri, Syeikh Abdul Rauf Singkel di Aceh dan Raja Haji Ahmad bin Raja Haji serta anaknya Raja Ali Haji di Riau-Lingga.

Metode perbandingan juga penulis gunakan untuk memastikan suatu sumber yang samar iaitu di mana letaknya tempat bernama Bima, tempat asal Syeikh Abdul Ghani, di pulau Sumatera atau Sumbawa. Penulis merujuk kepada buku Pesaka Selangor karangan Wan Muhammad Amin bin Wan Muhammad Said. Kekeliruan mungkin berlaku disebabkan ejaan jawi pada naskhah asal yang dirujuk oleh beliau itu tidak jelas dan mengelirukan. Ejaan jawi Sumbawa menyerupai ejaan Sumatera dan disebabkan pulau Sumatera itu lebih dikenali oleh orang-orang Melayu di Tanah Melayu maka penyalin menulis Sumatera dan bukannya Sumbawa. (sila lihat keterangan pada bahagian nota kaki di halaman 89, bab IV).

Penulis bukan saja membandingkan fakta tetapi juga membandingkan cara ejaan jawi yang terdapat di dalam buku-buku jawi lama yang penulis fikir dapat membantu menyelesaikan masalah ini. Buku-buku yang menjadi sumber rujukan ialah Tuhfat al-Nafis (edisi jawi), versi R.O Winstedt (1932), 'Adat Radja-radja Melajoe (edisi jawi), suntingan Van Ronkel Phs.S (1929), Leiden, Sentosa Ketakhtaan Selangor karangan Daeng Abdul Hamid Ibni Almarhum Daeng Muhammad Hasib(1938), Daftar Ejaan Melayu (Jawi-Rumi) susunan Zaaba (1949), Raja Karang Mengarang di Sultan Idris Trainning College, Tanjung Malim.

Namun begitu penulis sukar untuk menentukan ejaan mana yang lebih tepat kerana ejaan jawi dalam buku-buku lama (manuskrip-manuskrip lama yang kemudiannya disunting dan diterbitkan dalam bentuk buku oleh pengkaji-pengkaji sejarah barat) itu tidak seragam, mungkin kerana lamanya tempoh masa di antara manuskrip itu.

Secara ringkasnya metode yang penulis gunakan dalam penulisan disertasi ini adalah metode sejarah dan melihat suatu masalah itu dari sudut pandangan Islam. Ini adalah untuk menolak atau melihat secara adil suatu fakta khususnya yang berkaitan dengan Islam kerana kebanyakan kajian sejarah tempatan khususnya Selangor di lihat dari perspektif barat yang bersifat sekular.